

# Siapa Menteri Besar Kedah jadi tanda tanya

Oleh SHOLINA OSMAN

UM - 4 DEC 1999

ALOR SETAR 3 Dis. — "Siapakah yang bakal menjadi Menteri Besar Kedah terus menjadi" tanda tanya apabila Tan Sri Sanusi Junid malam ini mengesahkan beliau masih belum menerima surat pelantikan mengekalkan jawatan tersebut.

Barisan Exco kerajaan negeri Kedah yang baru akan mengangkat sumpah pada 11 Disember ini selepas Sultan Kedah berangkat pulang dari Thailand pada Rabu depan.

Tanda tanya mengenai isu siapa yang akan dilantik sebagai Menteri Besar semakin hangat apabila Sanusi turut mengesahkan perjumpaan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Langkawi semalam tidak membincangkan soal pelantikan Menteri Besar.

Kata Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kedah itu: "Perdana Menteri hanya ingin mengetahui prestasi BN Kedah.

## ● Azizan: Jangan salahkan orang lain — Muka 2

"Dia mahu mengetahui lebih lanjut tentang kekalahan calon-calon BN."

Beliau yang dilantik sebagai Menteri Besar menggantikan Tan Sri Osman Aroff menyatakan demikian kepada para pemberita selepas menemui calon-calon BN yang bertanding pada pilihan raya Isnin lalu termasuk mereka yang tewas di kerusi masing-masing.

Pertemuan tersebut hanya berlangsung selama 10 minit di Bangunan Tunku di sini.

Menurut Sanusi, pertemuan tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada calon-calon BN tentang prestasi mereka dalam pilihan raya umum lalu.

Mengenai kedudukannya sebagai Menteri Besar Kedah, Sanusi yang menang di

■ Lihat muka 4

# Siapa Menteri Besar Kedah jadi tanda tanya

UM - 4 DEC 1999

kerusi Dewan Undangan Negeri BN Kedah kerana banyak kerusi yang Kuah memberitahu, setakat yang jatuh kepada parti pembangkang. beliau tahu, beliau masih Menteri Besar.

Ditanya sama ada beliau masih berminat untuk menjadi Menteri Besar, jelasnya, soal itu tidak timbul tetapi lazimnya mereka yang mengetahui pilihan raya akan menjadi Menteri Besar.

"Saya ada kemampuan dalam sesetengah perkara dan ada juga kelemahan dalam hal yang lain," ujarnya.

Keputusan pilihan raya umum lalu menyaksikan RN menang 24 kerusi Dewan Undangan Negeri dan tujuh kerusi Parlimen tetapi keputusan itu adalah yang terburuk dalam sejarah

menunggu keberangkatan pulang Sultan Kedah dari Thailand.

Menurutnya, Sultan Kedah dijadualkan pulang pada 8 Disember dan upacara angkat sumpah Menteri Besar akan dilakukan pada 11 Disember.

Mengenai laporan akhbar yang menyetujui tentang kedudukan beliau sebagai Menteri Besar, Sanusi berkata, penulis bebas membuat sebarang spekulasi.

Beberapa pemimpin negeri semalam dan hari ini mengesyorkan Sanusi supaya melepaskan jawatan berkenaan dalam usaha memikul tanggungjawab dan memantapkan lagi kedudukan BN di Kedah.

Menurutnya, Sultan Kedah dijadualkan pulang pada 8 Disember dan upacara angkat sumpah Menteri Besar akan dilakukan pada 11 Disember.

Mengenai laporan akhbar yang menyetujui tentang kedudukan beliau sebagai Menteri Besar, Sanusi berkata, penulis bebas membuat sebarang spekulasi.

Beberapa pemimpin negeri semalam dan hari ini mengesyorkan Sanusi supaya melepaskan jawatan berkenaan dalam usaha memikul tanggungjawab dan memantapkan lagi kedudukan BN di Kedah.

Menjawab satu soalan berkaitan kelewatan pelantikan itu, Sanusi berkata, Perdana Menteri tidak melewat-lewatkannya tetapi kerann